

29 AUG 2001

Norian-Suhakam

LAPORAN SUHAKAM BERAT SEBELAH, KATA KPN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai hari ini berkata laporan hasil siasatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) mengenai aduan pencabulan hak asasi semasa polis menyurui perhimpunan haram di Lebuhraya KESAS-Jalan Kebun Nov lepas adalah berat sebelah.

"Saya sebenarnya tidak memberi perhatian yang tinggi kepada laporan itu kerana ia adalah satu laporan yang "bias" (berat sebelah) yang dan tidak berpijak di bumi, itu saja," katanya.

Beliau enggan mengulas lebih lanjut laporan berkenaan kerana menurutnya terlalu banyak pihak sudah menyuarakan pandangan mereka mengenainya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada balu Sjn Paul Kanagarethinam, 46, yang hilang dalam misi polis di Timor Timur dan saguhati kepada dua anggota lain kerana bertindak cemerlang menangkap seorang lelaki yang disyaki terbabit kes bunuh sekitar Banting semalam.

Laporan yang diumumkan oleh Pesuruhjaya Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin pada 20 Ogos lepas merumuskan bahawa polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi dalam tindakannya menyurui perhimpunan pada 5 Nov lepas.

Pelbagai pihak mengkritik Suhakam, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata bahawa laporan itu dipengaruhi oleh pemikiran Barat.

Dr Mahathir turut mempertahankan tindakan polis dalam menangani perhimpunan itu dengan menyifatkan bahawa tindakan mereka tidak melebihi batasan kuasa mereka.

--BERNAMA

AZH ZS ZB